

## KENYATAAN MEDIA

### SEDANIA menuju ke satu lagi tahun kewangan yang menguntungkan

---

#### Sorotan Utama:

- Pendapatan lebih kukuh sebanyak RM12.2 juta dalam 3QFYE22 dipacu oleh sumbangan lebih tinggi daripada segmen 'Sustainable Healthcare' dan 'Sustainable Energy'
- Bersedia untuk mencatat satu lagi tahun kewangan yang menguntungkan dipacu oleh keuntungan bersih sebanyak RM2.0 juta dalam 9MFYE22 dan pendapatan sebanyak RM30.3 juta

**KUALA LUMPUR, NOVEMBER 29 2022** - SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA" atau "Kumpulan") hari ini mengumumkan bahawa ia mencatatkan pendapatan 19% lebih tinggi sebanyak RM12.2 juta pada suku tahun ketiga berakhir 30 September 2022 (3QFYE22) berbanding RM10.3 juta dalam tempoh kewangan yang sama tahun sebelumnya, dipacu oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada segmen teras 'Sustainable Healthcare' dan 'Sustainable Energy'.

Kumpulan SEDANIA mencatatkan keuntungan bersih suku tahunan ke-7 berturut-turut sebanyak RM820,000 pada 3QFYE22, namun lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya disebabkan oleh kos yang lebih tinggi direkodkan dalam segmen 'Sustainable Energy' dan 'TelcoTech'.

Selaras dengan prestasi kewangan 3QFYE22, SEDANIA kekal di landasan untuk mencapai satu lagi tahun kewangan yang menguntungkan setelah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM2.0 juta dengan pendapatan RM30.3 juta untuk tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2022 (9MFYE22).

Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA Datuk Azrin Mohd Noor berkata, "Kami berjaya mencatatkan keuntungan untuk satu lagi suku tahun kewangan dan ini memberikan isyarat yang menggalakkan untuk kami mengekalkan tahun kewangan menguntungkan buat dua tahun berturut-turut.

"Ini menunjukkan bahawa di sebalik persekitaran ekonomi semasa yang mencabar, SEDANIA kekal dalam kedudukan kukuh untuk berkembang dengan membolehkan syarikat dan pengguna menjadi lebih lestari tenaga dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Beliau menambah bahawa SEDANIA berada pada trajektori pertumbuhan yang kukuh kerana ia membolehkan lebih banyak syarikat memulakan transformasi tenaga hijau dan masyarakat menerima pakai amalan mesra alam dengan penyelesaian kecekapan tenaga dan rangkaian produk penjagaan kesihatan mesra alam.

Datuk Azrin menekankan bahawa lebih banyak inisiatif kelestarian akan diberi mandat oleh pihak penguatkuasaan dan kawal selia seperti Bursa Malaysia dalam masa terdekat berikutan persidangan COP27 yang berakhir baru-baru ini, yang mengesahkan komitmen ekonomi global dalam menghadkan peningkatan suhu global.

Pendapatan daripada 'Sustainable Energy' meningkat 33% kepada RM1.1 juta pada 3QFYE22 daripada RM848,000 setahun yang lalu, disebabkan oleh pengiktirafan pendapatan daripada penyediaan inisiatif yang meningkatkan kecekapan tenaga untuk beberapa pusat pemrosesan mel, serta sumbangan faedah pajakan berulang dan pendapatan penyelenggaraan daripada Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) berterusan.

Mengulas lanjut mengenai prestasi kewangan segmen 'Sustainable Energy', Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA Daniel Ruppert berkata, "Mencapai lestari tenaga adalah inisiatif berterusan, oleh itu kami akan terus memainkan peranan sebagai pemboleh kelestarian secara proaktif dengan melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan keupayaan penjimatan tenaga pelanggan kami.

"Peningkatan kecekapan tenaga terkini untuk salah seorang pelanggan terbaru adalah bukti komitmen kami. Ini telah memacu prestasi positif 3QFYE22 segmen 'Sustainable Energy'. Melangkah ke hadapan, kami optimis untuk mengekalkan momentum positif kerana kami menjangkakan bilangan penyediaan pemasangan penyelesaian kecekapan tenaga akan lebih tinggi untuk pelanggan-pelanggan utama kami pada tahun ini."

Cabang 'Sustainable Healthcare' SEDANIA, Offspring Inc Sdn Bhd (Offspring) mencatat pendapatan 13% lebih tinggi sebanyak RM8.9 juta pada 3QFYE22 berbanding RM7.9 juta setahun sebelumnya berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk produknya daripada pasaran domestik dan Eropah.

Ruppert menambah, "Jenama Offspring semakin berkembang seperti yang dilihat melalui peningkatan permintaan secara konsisten untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa kelestarian adalah tema yang sangat relevan untuk konsumer masa kini."

Sementara itu, bahagian 'FinTech' Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.6 juta dalam 3QFYE22, melonjak 69% daripada RM1.0 juta setahun lalu didorong oleh transaksi yang lebih tinggi daripada platform digital Tawarruq dan GoHalal. Ini memacu lonjakan enam kali ganda dalam keuntungan operasi sebelum cukai kepada RM731,000 daripada RM119,000 pada tahun sebelumnya.

Mengulas mengenai prospek pertumbuhan SEDANIA, Datuk Azrin berkata, "Untuk segmen 'Sustainable Energy', kami berharap untuk memperoleh lebih banyak kontrak daripada syarikat besar, pusat beli-belah dan syarikat pembuatan sambil berusaha untuk menjadi pemboleh bagi transformasi mereka untuk mencapai tenaga hijau. Senarai besar projek kami daripada pelanggan yang berbeza akan memastikan aliran pendapatan kami konsisten untuk jangka masa panjang.

"Berhubung dengan Offspring, kami telah membuat kemajuan yang memberangsangkan dalam pasaran berpenduduk tinggi untuk berkembang melangkaui kehadiran semasa kami di 23 negara. Dengan kadar kesuburan yang kekal tinggi di beberapa pasaran padat penduduk. digabungkan dengan kesedaran yang berkembang pesat daripada orang ramai tentang perubahan iklim, Offspring berpotensi menjadi jenama konsumer mesra alam pilihan utama ibu bapa di masa hadapan."

\*\*\*\*\*

**Mengenai Sedania Innovator Berhad**

Sedania Innovator Berhad adalah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan yang lestari. Sejak penyenaiaannya pada 2015 di ACE Market di Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

Sedania melabur dalam kelestarian tenaga masa hadapan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, Sedania menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 150 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 20 negara di seluruh dunia.

***Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.***

Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza  
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121620 / +6017 2407881  
Emel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)

 [Sedania Innovator Berhad](#)

 [sedaniainnovatorbhd](#)

 [Sedania Innovator Berhad](#)